

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG
KAWASAN : TANJONG PIAI
TARIKH : 8.3.2018 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 46

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kepentingan Industri 4.0 kepada industri dan masyarakat juga impak kepada ekonomi Malaysia. Berapakah jumlah syarikat yang telah berada di tahap Industri 4.0 di Malaysia.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Industri 4.0 didorong oleh revolusi digital atau internet melalui aplikasi sistem siber-fizikal (*cyber-physical system*) yang bukan hanya tertumpu kepada sektor pembuatan malah akan turut melibatkan sektor perkhidmatan. Ia merupakan kesinambungan daripada Gelombang Perindustrian Ketiga, (dengan izin *Third Industrial Revolution*) yang berteraskan sistem elektronik dan teknologi maklumat.

Tren Industri 4.0 bermula daripada negara-negara perindustrian maju dan berteknologi tinggi seperti Jerman dan Amerika Syarikat yang kini berkembang kepada negara-negara seperti China, Korea Selatan,

Jepun dan Singapura. Pemangkin Industri 4.0 secara amnya adalah berteraskan kemajuan dalam bidang *autonomous robots, big data, augmented reality, cloud computing, internet of things*, percetakan 3D, keselamatan siber simulasi dan integrasi sistem.

Malaysia sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan perlu meningkatkan rantai nilai untuk menjadi pangkalan perkilangan berkualiti tinggi menerusi penggunaan teknologi agar Negara lebih berdaya saing di peringkat serantau dan global. Pengaplikasian Industri 4.0 adalah penting untuk mendorong pihak industri menggunakan automasi dan pertukaran data dalam teknologi pembuatan bagi mewujudkan 'kilang pintar' di mana mesin disambungkan dengan sistem siber yang boleh menganalisa dan mengendalikan keseluruhan rantai pengeluaran. Ia akan berupaya meningkatkan kecekapan, produktiviti dan pulangan pelaburan kepada industri tempatan. Sehubungan itu, MITI sedang menggalakkan pengaplikasian teknologi terkini melalui Industri 4.0. bagi memastikan industri tempatan terus berdaya saing di peringkat global.

Tuan Yang di Pertua,

Pengaplikasian Industri 4.0 bukan hanya memberi peluang kepada sektor pengilangan dan perkhidmatan berasaskan pengilangan, malahan ia mempunyai kepentingan dalam mengubah gaya hidup dalam hampir semua aspek kehidupan seharian masyarakat melalui penggunaan teknologi disruptif. Penggunaan teknologi ini akan mengubah cara urusan dilakukan dalam semua sektor ekonomi, sektor sosial, sektor pelancongan, sektor perkhidmatan, sektor pertanian, pembinaan, dan sebagainya. Selain itu, kemajuan teknologi juga akan

meningkatkan aktiviti R&D serta menggalakkan pembangunan sektor perkhidmatan.

Sebagai contoh, urusan tempahan pakej percutian dan pemantauan kesihatan yang sebelum ini dilakukan melalui khidmat agensi pelancongan atau doktor di klinik kini boleh dilakukan secara atas talian. Begitu juga dengan percetakan 3D yang kini boleh digunakan untuk mencetak bahagian tulang menggantikan tulang yang rosak serta dengan izin, *Artificial Intelligence* (AI) digunakan untuk menjalankan diagnosis ke atas sindrom yang dihadapi oleh pesakit dengan tepat. Penggunaan teknologi disruptif ini dapat mengurangkan kos serta menambahbaik keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak industri kepada masyarakat.

Tuan Yang di Pertua,

Industri 4.0 akan memberi impak yang signifikan kepada ekonomi negara memandangkan ia akan melibatkan transformasi kepada hampir kesemua aktiviti ekonomi tempatan. Selaras dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020, pengaplikasian Industri 4.0 oleh syarikat-syarikat perkilangan tempatan akan berupaya untuk menghasilkan produk-produk yang lebih kompleks dan bernilai tambah tinggi. Ia juga akan meningkatkan produktiviti seterusnya dapat meningkatkan jualan dan eksport serta menjana keuntungan yang lebih lumayan. Dengan ini, sumbangan sektor perkilangan dan perkhidmatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara akan meningkat.

Dalam masa yang sama, kilang pintar yang mengaplikasikan Industri 4.0 dapat memudahkan proses perkilangan dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing serta mengurangkan aliran keluar matawang tempatan.

Menyedari kepentingannya kepada ekonomi negara, pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian lain serta pihak industri dan pihak akademik sedang bekerjasama dalam usaha merangka Dasar Nasional Industri 4.0. Proses merangka dasar dan pelan tindakan tersebut dilaksanakan melalui kerjasama kementerian dan agensi yang berkaitan berdasarkan input yang diperolehi daripada *stakeholders* yang merangkumi sektor awam dan sektor swasta.